

***No One Left Behind*, Membina Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS): Penelitian Awal Dari Sudut Pandangan Seorang Pendidik**

Mohamed Ali bin Haniffa, Nurhijrah binti Zakaria dan Ayu Nor Azilah Mohamad

Abstrak - Artikel ini membincangkan mengenai Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) yang perlu diterapkan dalam membina minat dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran berunsurkan sejarah. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) sebagai mekanisme yang mampu memenuhi keperluan pendidikan pada masa kini. Namun fenomena semasa ialah tanggapan pelajar yang menyatakan bahawa mata pelajaran berorientasikan sejarah sebagai membosankan. Justeru itu, KPS mampu merangsang kemahiran berfikir pelajar secara kritis dan analitis. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan pencapaian intelek para pelajar dan menjadikan sejarah sebagai satu mata pelajaran yang menyeronokkan. KPS juga membolehkan pelajar-pelajar meneroka idea yang kompleks dan abstrak melalui lima proses meliputi kemahiran memahami kronologi, meneroka bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi dan membuat rasionalisasi. Analisis data dibuat berdasarkan pekeliling, buku, jurnal dan kajian lepas. Penelitian awal jelas menunjukkan bahawa golongan pendidik masih menghadapi kekangan dalam mengaplikasikan KPS. KPS diharapkan dapat memberi manfaat kepada para pendidik dalam menggunakan pelbagai alternatif dalam pembelajaran, pengajaran dan pemudahcaraan (Pdpc) sejajar dengan norma baharu. KPS juga merupakan elemen penting dalam menerapkan semangat patriotisme dan bagi persediaan mendepani survival dan peluang Revolusi Perindustrian 4.0.

Kata kunci: Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS), Pembelajaran Abad ke-21 (PAK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Revolusi Perindustrian 4.0

I. PENDAHULUAN

Ledakan globalisasi meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang berkembang pesat dan menuju ke arah pendidikan bertaraf dunia. KPM menggembeng usaha tersebut dengan melaksanakan PAK21 bermula tahun 2014. PAK21 merupakan mekanisme yang mampu memenuhi keperluan pendidikan pada masa kini. PAK21 berpusatkan kepada murid dan melibatkan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika. Mata pelajaran berunsurkan sejarah seringkali dianggap membosankan kerana Pdpc yang bersifat sehalu tanpa melibatkan proses pemikiran pelajar.

Mohamed Ali bin Haniffa, Universiti Utara Malaysia, Malaysia (E-mel: m.ali@uum.edu.my)
Nurhijrah binti Zakaria, Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, Terengganu, Malaysia (E-mel: nurhijrah@ipgm.edu.my)
Ayu Nor Azilah Mohamad, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia (E-mel: ayu@kuis.edu.my)

KPS merupakan wahana yang mampu mengupayakan pelajar berfikir secara kritis dan membuat perkaitan antara sesuatu peristiwa. Pdpc mata pelajaran ini juga penting kerana melibatkan aspek pertalian antara manusia dengan nilai-nilai sosial dalam masyarakat. Hal yang demikian selaras dengan objektif Pdpc yang mahu membentuk warganegara dan patriotik.

II. PERNYATAAN MASALAH

Fenomena semasa ialah tanggapan pelajar yang menyatakan bahawa subjek berorientasikan sejarah sebagai membosankan. Banyak faktor yang boleh dikenal pasti sebagai punca hilang minat pelajar terhadap matapelajaran tersebut. Antaranya ialah teknik Pdpc yang tidak menarik dan kecenderungan hafalan. Proses Pdpc juga bersifat sehalu dan mencetuskan stigma dan suasana pembelajaran pasif. Fasilitator juga lebih mendominasi proses instruksional tanpa merangsang pelajar untuk berfikir dan menggunakan bahan pembelajaran. Justeru itu, penyelarasan yang gagal dilakukan menjadikan fasilitator menyampaikan Pdpc mengikut acuan tersendiri. Kaedah dan pendekatan tradisional turut membataskan minat serta pemahaman pelajar. Reaksi negatif pelajar diterjemahkan apabila mereka melaksanakan tugas yang diberikan sambil lewa.

III. SOROTON LITERATUR

Aktiviti bermain dapat membentuk dan memenuhi keperluan perasaan ingin tahu, di samping meningkatkan pengetahuan, pengalaman serta kemahiran (Rohani Abdullah, 2004). Permainan pilihan kanak-kanak sendiri yang disokong oleh seorang guru ataupun orang dewasa melalui perbincangan dan sesi soal jawab akan menggalakkan pencapaian kognitif yang lebih tinggi (Vygotsky, 1962). Sikap, minat dan usaha merupakan aspek yang banyak mempengaruhi kejayaan serta penentu dalam kejayaan (Abdul Halim Mohamad dan Wan Mohamad Wan Sulong, 2006).

Teaching & Learning History 11-18, Understanding The Past membincangkan input yang seharusnya diperoleh oleh pendidik ilmu sejarah di sekolah, Institusi Pengajian Tinggi Awam, dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta. Intipati utamanya ialah Pdpc perlu diselang-selikan dengan penyelidikan, perbincangan dan amalan praktis (Kitson et al., 2011). Perkembangan sistem pendidikan di Malaysia turut mengubah pendekatan Pdpc. Perubahan juga berlaku dalam penegasan pelaksanaan kurikulum, pendekatan, strategi dan kaedah Pdpc. Penemuan merupakan salah satu proses pembelajaran yang dapat membantu pelajar membina pengalaman dan pengetahuan baru melalui penerokaan

(Atkinson *et. al.*, 1987). Pembelajaran yang berlaku secara paksaan tidak akan membantu pelajar membentuk keyakinan diri. Hal yang demikian juga menjadi rumit kerana penekanan pembelajaran yang lebih tertumpu kepada buku sebagai bahan rujukan kedua selepas guru. Hal yang demikian, menjarakkan lagi pembelajaran dengan dunia realiti.

Teknik *Theory of Constraints* (TOC) ialah cara pengajaran dan pembelajaran berasaskan pemikiran yang logik dan sistematik. Proses ini menggunakan teknik pemikiran kritis dan kreatif yang mudah serta konkrit (Robert E. Stein, 1997). Gambaran awal mengenai KPS boleh diperoleh dalam penulisan bertajuk *The Student Guide To Historical Thinking*. Keseluruhan intipati buku ini membincangkan mengenai KPS yang mampu membina pemikiran kreatif dan kritis (Linda Elder, Meg Gorzycski & Richard Paul, 2019). Buku bertajuk *Teaching History ForThe Common Good* memberikan suatu pandangan yang baharu mengenai pembelajaran disiplin ilmu sejarah. Buku ini merungkai persediaan pedagogi yang perlu dimiliki oleh fasilitator (Keith C. Barton, Kinda S. Levstik, 2004). Manakala *New Directions In Assessing Historical Thinking* mempunyai kekuatan dalam membincangkan *Historical Thinking Skills* yang seharusnya dimiliki oleh pelajar. Penulisan tersebut merupakan hasil kajian dan implementasi para sarjana dalam mengendalikan KPS (Kadriye Ercikan & Peter Seixas, 2015). Buku tersebut turut mengupas rasional mempelajari sejarah dan praktis dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah. Antara penekanan utama yang diberikan oleh penulis dalam bahagian ini ialah KPS dan perkembangan kognitif dalam Pdpc sejarah (Hilary Bourdillon, 1994).

Manakala buku yang bertajuk *Pendidikan Sejarah, Pemikiran, Pemahaman dan Empati* memberikan tumpuan kepada perkembangan kurikulum sejarah, pemahaman dan pemikiran sejarah, empati serta empati sejarah dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini membuka dimensi baharu bahawa sejarah yang bersifat abstrak itu adalah bercorak dinamik dan futuristik (Siti Hawa Abdullah, 2019). *Sejarah Malaysia, Wacana Kedaulatan Bangsa, Kenegaraan dan Kemerdekaan* membincangkan mengenai KPS yang sudah mula diimplementasikan dalam buku teks sejarah tingkatan dua. Perkara-perkara baharu ini termasuk kesepaduan unsur pengetahuan sejarah, KPS, dan pemupukan nilai serta unsur patriotisme (Abdul Rahman Haji Ismail, Azmi Arifin, 2016).

Kajian bertajuk *Kesan Penggunaan Sumber Sejarah Digital Melalui Portal Terhadap Kemahiran Pemikiran Sejarah* meneroka keberkesanan penggunaan sumber digital sebagai salah satu elemen bagi membina KPS dalam kalangan pelajar (Renuka Muniandy @ Ramakrishnan, 2015). Manakala *Kemahiran Pemikiran Sejarah Melalui Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) Oleh Guru Pelatih* mengenal pasti bentuk teknologi yang digunakan oleh guru pelatih dalam mengajar mata pelajaran sejarah (Shakila binti Che Dahalan, 2015). Kompilasi penulisan bertajuk *Penyelidikan Terpilih UPSI, 2001-2006* membincangkan mengenai pelbagai model yang menjadi fokus dalam pengajaran dan pembelajaran (Abu Bakar Nordin, 2007). Manakala penulisan bertajuk *Hubungan antara Amalan*

dan Penguasaan Kemahiran Pemikiran Sejarah membuat pengujahan bahawa KPS dapat menjana pemikiran kritis melalui penilaian bukti sejarah dengan menghubungkan satu peristiwa sejarah lampau dengan masa kini. Kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara amalan dan penguasaan KPS dan konstruksinya (M. Kaviza, 2019). Manakala hubungan yang signifikan antara pelaksanaan KPS dalam pengajaran guru-guru sejarah dirungkai dalam penulisan yang bertajuk *Pelaksanaan Kemahiran Pemikiran Sejarah Dalam Pengajaran Guru-guru Sejarah: Satu Kajian Kes di Daerah Hilir Perak* (Baharuddin bin Jabar, 2003).

IV. METODOLOGI

Penulisan ini merupakan penelitian awal yang menggunakan metode kualitatif. Analisis data dibuat dengan menggunakan sumber meliputi pekeliling, buku, jurnal dan kajian lepas.

V. KEMAHIRAN PEMIKIRAN SEJARAH

Tanggapan pelajar yang negatif terhadap mata pelajaran berorientasikan sejarah seperti teknik Pdpc yang tidak kontemporari dan lebih mendominasi proses instruksional tanpa merangsang pelajar berfikir menjadi perbincangan. Kekangan di pihak fasilitator seperti tahap kepelbagaian keupayaan pelajar dan demografi yang menjejaskan keberkesanan Pdpc turut disuarakan. Sukatan kandungan mata pelajaran yang perlu ditamatkan dalam tempoh pengajian turut dijadikan alasan. Hal yang demikian menjadi serius apabila guru yang bukan bidang dan tiada asas kukuh dalam metode Pdpc sejarah. Mata pelajaran ini juga sering kali dikorbankan apabila tidak dinilai dalam peperiksaan akhir di peringkat sekolah rendah.

Oleh yang demikian, satu model yang berfokuskan *Student Centered Learning* (SCL) dan mampu mengubah iklim pembelajaran menjadi kondusif, kreatif dan berinformasi serta menyeronokkan perlu diwujudkan. Hal yang demikian mampu memberikan suntikan motivasi kepada pelajar yang mempunyai paradigma dan persepsi negatif terhadap pembelajaran. KPS yang diimplementasikan mampu meningkatkan minat dan motivasi pelajar. KPS merangkumi lima proses yang utama. Peringkat pertama ialah memahami kronologi iaitu melihat masa lalu, kini dan masa akan datang mengikut urutan sesuatu peristiwa sejarah yang berlaku. Sebelum menyampaikan Pdpc, para pendidik perlu memberikan maklumat yang jelas mengenai objektif yang seharusnya dicapai oleh pelajar. Pelajar akan diberikan bimbingan untuk memahami kronologi. Antara elemen penting dalam fasa ini ialah melihat masa lalu, kini dan akan datang. Di samping itu pelajar akan didedahkan dengan konsep masa dan memahami konversi masa.

Langkah kedua ialah meneroka bukti iaitu kemahiran mengenalpasti sumber pertama dan kedua serta membuat perbandingan antara kedua-duanya. Pelajar akan dibimbing untuk mendapatkan maklumat daripada sumber tersebut dengan memberikan tugas berdasarkan topik yang dipelajari. Pelajar-pelajar akan diminta menentukan signifikan, tarikh, tokoh, lokasi peristiwa dan bagaimana

peristiwa itu berlaku. Langkah ketiga ialah membuat Interpretasi iaitu proses tafsiran terhadap sesuatu peristiwa dengan memberi ulasan dan kupasan. Hal yang demikian akan membolehkan pelajar lebih memahami perkaitan antara fakta sejarah dan tafsiran sejarah dengan baik. Kemahiran ini juga bermakna, masa lalu yang boleh difahami melalui pemerhatian dan interpretasi yang sistematik. Ini akan dapat membantu kehidupan yang lebih baik pada masa hadapan. Justeru itu, pelajar dikehendaki membuat tafsiran sesuatu peristiwa dan membezakan antara tafsiran dengan perspektif. Pelajar juga dibimbing untuk membezakan antara fakta sejarah dengan tafsiran sejarah. KPS boleh dijana melalui aktiviti-aktiviti SCL seperti *Brainstorming*, *Three Minutes Each Away*, *Snowballing*, *Buzz Groups*, *Syndicates* atau lain-lain lagi.

Membuat imaginasi ialah langkah keempat melibatkan pelajar dengan sesuatu situasi dalam peristiwa sejarah yang dikaji. Kemahiran imaginasi ialah secara visual dan empati. Empati merujuk kepada seseorang yang menilai sejarah menurut kaca mata sumber atau subjek sejarah yang terlibat. Pelajar akan berkongsi pengalaman secara imaginasi dan menyatakan pandangan seolah-olah melibatkan diri dalam sesuatu peristiwa sejarah. Mereka juga boleh membuat imaginasi secara visual dan empati untuk perkongsian bersama. Manakala langkah terakhir ialah membuat rasionalisasi. Rasionalisasi melibatkan penggunaan akal untuk membuat pertimbangan yang wajar dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan. Justeru itu, pelajar-pelajar akan menggunakan akal fikiran untuk membuat pertimbangan yang wajar bagi menyelesaikan sesuatu persoalan. Pelajar akan dibimbing untuk mengumpul data, hipotesis, dan menentukan signifikan bukti dan membuat inferens. Pelajar akan membuat rasionalisasi melalui kajian bahan yang diberikan secara kritis (Panduan Pengurusan Mata pelajaran Sejarah, 2019).

VI. NO ONE LEFT BEHIND

Norma baharu seharusnya diaplikasikan berikutan penularan pandemik Covid 19. Kaedah pelaksanaan Pdpcc adalah bercorak fleksibel dan merentasi demografi. Fasilitator seharusnya mempunyai persediaan untuk mengimplementasikan dua pendekatan berbeza mengikut senario semasa. Pdpcc boleh diimplementasikan secara bersemuka atau atas talian sekiranya keadaan persekitaran tidak mengizinkan. Kaedah Pdpcc melalui pemerhatian, aktiviti-aktiviti SCL, refleksi dan *Focus Group Discussion* (FGD) boleh digunakan bagi mencapai objektif Pdpcc. Diversiti pelajar berdasarkan etnik, gender dan demografi perlu diambil kira sebelum pelaksanaan Pdpcc dalam sebarang situasi.

Kaedah pemerhatian boleh digunakan dalam mengendalikan Pdpcc secara bersemuka ataupun atas talian untuk mendapatkan maklumat pelajar-pelajar secara lebih terperinci, jelas, teliti dan tepat. Borang soal selidik secara atas talian (Google Form) boleh diberikan kepada pelajar sebagai penanda aras untuk mengukur tahap minat dan kecenderungan pelajar dalam mengikuti Pdpcc. Pemerhatian juga boleh dilaksanakan semasa dan selepas menjalankan setiap aktiviti Pdpcc di bilik darjah ataupun atas talian. Minat dan kesungguhan pelajar dapat diterjemahkan dalam bentuk penglibatan dalam aktiviti

Pdpcc yang berfokuskan KPS. Maklumat yang diperoleh melalui kaedah pemerhatian ini sama ada dijangka ataupun tidak berupaya berfungsi sebagai dapatan dan rujukan yang penting.

Sesi *Brainstorming* boleh digunakan untuk mengeluarkan idea secara bebas dari setiap individu ataupun kumpulan secara teratur dan sistematik. Manakala *Buzz Group* pula akan diimplementasikan dalam kumpulan kecil yang mengandungi seramai tiga hingga enam orang pelajar. *Syndicate* boleh digunakan sebagai ruang kepada pelajar untuk berbincang. Di peringkat seterusnya satu kesimpulan akan dibuat berdasarkan kepada perkongsian idea yang diperoleh. Oleh yang demikian, pelajar akan mendapat maklumat tepat dan terkini yang dicari oleh mereka berdasarkan KPS. Bagi mendapatkan info dan reaksi segera *Three Minutes Each Way* dan *Snowballing* boleh dikendalikan secara bersistem atas talian.

Manakala refleksi merupakan proses penting dalam Pdpcc yang digunakan untuk merenung, menganalisis, mencari alasan, cadangan dan tindakan untuk penambahbaikan secara berterusan. Refleksi yang akan dikendalikan berupaya untuk menyediakan bukti dan pengetahuan teknikal bagi meramal penyelesaian efektif serta proses penambahbaikan secara konsisten dan berterusan dalam KPS. Refleksi juga boleh dikendalikan melalui teknik inkuiri bagi mendapatkan maklum balas daripada pelajar. Tindakan susulan perlu dilakukan sama ada melalui pemulihan atau pengayaan. Refleksi yang dikendalikan secara konsisten dan bebas membolehkan fasilitator menjangka hasil sesuatu tindakan dan membuat perancangan awal. Fasilitator juga boleh meramalkan mengenai segala perubahan dan hasil pembelajaran kerana latar belakang pelajar serta keupayaan mereka sudah dikenal pasti. Bagi mendapatkan maklum balas mengenai KPS yang digunakan FGD boleh digunakan untuk berkongsi idea dan impak pengendalian KPS. Norma baharu juga tidak membataskan pengendalian FGD yang boleh dikendalikan atas talian. Penambahbaikan dalam pedagogi dan bahan Pdpcc juga boleh dilaksanakan bagi memantapkan lagi pelaksanaan KPS.

VII. CABARAN DAN HARAPAN

KPS merupakan proses berfikir bagi membolehkan pelajar-pelajar meneroka idea yang kompleks dan abstrak. Kaedah ini amat bersesuaian untuk Pdpcc sejarah atau mata pelajaran yang banyak menekankan *content knowledge*. Pelajar-pelajar akan menjadi lebih fokus, berkeyakinan dan aktif dalam dan luar iklim pembelajaran dengan pelbagai aktiviti berpusatkan SCL. Seterusnya sesi rasionalisasi akan menjana kekuatan dan menggembelng kemahiran insaniah pelajar secara holistik. Elemen kemenjadian pelajar dapat diukur melalui komponen kerja kumpulan dan menjana kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis. Mereka juga mampu membina keupayaan untuk meneroka, menyelidiki, menganalisis dan menginterpretasi sumber.

Malaysia seharusnya mempunyai persediaan dalam mendepani cabaran Revolusi Perindustrian 4.0 yang memfokuskan kepada *Artificial Intelligence* (AI) (Mark Skilton & Felix Housepian, 2018). Pembinaan ekosistem

yang lebih adil dan saksama bertunjangan kesejahteraan dengan persekitaran dunia baharu masih sedang diperbahaskan dalam konteks norma baharu. Perubahan ini mampu mentransformasikan bukan sahaja cara hidup, masyarakat, nilai dan norma, tetapi juga persepsi mengenai manusia itu sendiri. Hal yang demikian juga boleh ditangani secara rasional melalui KPS. Dalam menghadapi survival norma baharu, elemen jati diri perlu diperkasakan. Penerapan jiwa merdeka dan semangat patriotisme yang kental boleh dilakukan melalui KPS. Institusi keluarga adalah saraf penting untuk membina rakyat dan individu berguna kepada agama dan negara. Semangat patriotik yang dipupuk dari zaman kanak-kanak akan menjadikan mereka kuat dan berkongsi serta bertindak sebagai rakyat Malaysia. Mereka tidak akan melihat diri berdasarkan etnik, agama, sempadan geografi dan latar belakang sosial. Patriotisme Malaysia adalah elemen penting dalam membina idea yang dikenali sebagai Negara Bangsa Malaysia (Alauddin Sidal, 2014).

Pendidik seharusnya mempunyai kreativiti untuk menarik para pelajar menghargai aspek patriotisme dan perkongsian nilai masyarakat Malaysia secara bersama. Pendidikan adalah isu penting dalam agenda pembinaan tamadun dan kewujudan serta kekuatan sebuah negara (Mohd. Noor Yazid, 2011). Dasar Pendidikan Kebangsaan adalah yang paling berjaya dalam proses pembinaan negara di Malaysia. Justeru itu, pendidikan adalah alat yang sangat penting untuk memupuk integrasi (Mohamed Mustafa Ishak, 2014).

Dalam mendepani cabaran Revolusi Perindustrian Keempat, sistem pendidikan di peringkat pengajian tinggi juga perlu berubah seiring dengan keperluan dan pasaran dunia (Nancy W. Gleason, Gleason, 2018). Dalam usaha memupuk perkongsian nilai dan jati diri, sejarah merupakan komponen penting ke arah pembinaan bangsa yang bertamadun. Pembangunan modal insan dan pembinaan minda kelas pertama perlu diselaraskan supaya Malaysia dibangunkan mengikut piawaiannya sendiri. Pandemik Covid 19 tidak seharusnya dijadikan alasan dalam usaha pendemokrasian pendidikan. Wabak yang tidak kenal batas agama, bangsa dan ideologi politik mampu dihadapi dengan bersatu sebagai bangsa Malaysia yang kuat, cekal, berdaya tahan serta berdisiplin. Justeru itu, *no one left behind* dalam usaha Pdpc kepada semua pelajar di pelbagai peringkat pengajian. Sekarang bukanlah masa yang terbaik untuk bertelagah dan bersengketa mengenai isu sosial atau politik. Sebaliknya adalah tempoh bagi kita untuk menunjukkan kematangan dan tahu apa yang perlu dipertaruhkan dalam kehidupan setiap individu warga Malaysia (*Berita Harian Online*, 12 April 2020).

VIII. KESIMPULAN

Pembelajaran bermakna "learning by doing" dapat membantu pelajar berfikir dan membentuk kefahaman mengenai sesuatu permasalahan. Anjakan paradigma bagi mengimplementasikan KPS seharusnya diperkasakan. Penguasaan pedagogi Pdpc perlu disegerakan agar fasilitator dapat menerapkan KPS dalam kalangan pelajar. Pdpc berpusatkan SCL perlu dibina bagi membina aura positif. Norma baharu dan *no one left*

behind seharusnya dijadikan kata kunci keramat bagi menggapai hasrat pelajar mendepani cabaran Revolusi Perindustrian 4.0.

RUJUKAN

- Abu Bakar Nordin. (2007). *Penyelidikan Terpilih UPSI, 2001-2006*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Ab. Halim Mohamad & Wan Mohammad Wan Sulong. (2006). *Antara Minat dan Sikap Pelajar Terhadap Bahasa Arab: Satu Kajian ke Atas Pelajar Sarjana Bahasa Arab di IPTA Malaysia*. Dlm. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri ke-5. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Haji Ismail dan Azmi Arifin. (2016). *Sejarah Malaysia, Wacana Kedaulatan Bangsa, Kenegaraan dan Kemerdekaan*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Alauddin Sidal. (2014). *Semerah Darah Seputih Tulang*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- Barton. C. Keith, Levstik S. Linda. (2004). *Teaching History For The Common Good*. New Jersey: Inc. Publishers.
- Baharuddin bin Jabar. (2003). *Pelaksanaan Kemahiran Pemikiran Sejarah Dalam Pengajaran Guru-guru Sejarah: Satu Kajian Kes di Daerah Hilir Perak*. Geran Penyelidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Berita Harian Online*, 12 April 2020, diakses pada 12 April 2020.
- Bourdillon, Hillary. (1994). *Teaching History*. Routledge: CPI Rowe, Eastbourne.
- E. Stein, Robert. (1997). *The Theory of Constraints, Application in Quality And Manufacturing*. New York: Dekker, Inc.
- Ercikan, Kadriye & Seixas, Peter. (2015). *New Directions In Assessing Historical Thinking*. New York: Routledge.
- Kitson, Alison & Husbands, Chris, Steward, Susan. (2011). *Teaching & Learning History 11-18, Understanding The Past*. England: Open University Press.
- Linda Elder, Meg Gorzycki & Richard Paul. (2019). *The Student Guide To Historical Thinking*. California: The Foundation For Critical Thinking.
- M. Kaviza. (2019). Hubungan antara Amalan dan Penguasaan Kemahiran Pemikiran Sejarah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*.
- Mark Skilton & Felix Housepian. (2018). *The 4Th Industrial Revolution*. U.K.: Springer International Publishing.
- Mohd. Noor Yazid. (2011). *Pendidikan Pembinaan Bangsa Ke Mana Arah Tuju?*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohamed Mustafa Ishak. (2014). *Politik Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Legasi Press Sdn. Bhd.
- Nancy W. Gleason, Gleason. (2018). *Higher Education In The Era Of The Fourth Industrial Revolution*. Singapore: The Palgrave Macmillan.

- Panduan Pengurusan Mata Pelajaran Sejarah Sekolah Rendah Sekolah Menengah. (2019) Jemaah Nazir Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya.
- Rohani Abdullah. (2004). *Panduan Kurikulum Prasekolah*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributrs Sdn. Bhd.
- Renuka Muniandy @ Ramakrishnan. (2015). *Kesan Penggunaan Sumber Sejarah Digital Melalui Portal Terhadap Kemahiran Pemikiran Sejarah*. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- Siti Hawa Abdullah. (2019). *Pendidikan Sejarah, Pemikiran, Pemahaman dan Empati*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Shakila binti Che Dahalan. (2015). *Kemahiran Pemikiran Sejarah Melalui Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) Oleh Guru Pelatih*. Tesis Sarjana Universiti Sains Malaysia.
- Vygotsky, L.S. (1962). *Thought and language*. Cambridge, M.A: Mit Press.